



MODUL FARDU 'AIN

ORANG KELAINAN
UPAYA PENDENGARAN

(MUFID-OKU)

Zulkipl Abd Ghani
Mohd Rushdan Mohd Jailani
Adanan Mat Junoh

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia






MODUL
FARDU 'AIN

ORANG KELAINAN
UPAYA PENDENGARAN

(MUFID-OKU)





MODUL
FARDU 'AIN

ORANG KELAINAN
UPAYA PENDENGARAN

(MUFID-OKU)

Zulkipli Abd Ghani
Mohd Rushdan Mohd Jailani
Adanan Mat Junoh

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia

Cetakan Pertama 2013
© Hak Cipta Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juapun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis dan penerbit terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia.

Diterbitkan di Malaysia oleh/ *Published in Malaysia by*

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
71800 Bandar Baru Nilai,
Negeri Sembilan

Dicetak di Malaysia oleh/ *Printed in Malaysia by*

UKM Cetak
UKM Holdings
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E., Malaysia

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-penerbitan

Zulkiple Abd. Ghani

Modul fardu ain : orang kelainan upaya pendengaran (MUFID-OKU) / Zulkiple Abd Ghani, Mohd Rushdan Mohd Jailani, Adanan Mat Junoh.

ISBN 978-967-0393-99-5

1. Islam--Customs and practices. 2. Islamic education--Study and teaching. I. Mohd Rushdan Mohd Jailani. II. Adanan Mat Junoh. III. Judul.

297.5

Kata Pengantar	7
Prakata	9
Pengenalan – Modul Fardu ‘Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU)	11
Modul 1 Rukun Iman	15
Modul 2 <i>Taharah</i>	35
Modul 3 Wuduk dan Solat	61
Modul 4 Puasa	83
Modul 5 Zakat	107
Modul 6 Haji	119
Lampiran	127

PERSEMBAHAN PENGANTAR

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih diberi kesempatan mengungkapkan sepatah dua kata dalam Modul Fardu 'Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU) ini. Syukur ke hadrat Allah SWT dan tahniah kepada barisan para penulis kerana mengusahakan kajian bersama Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) dan seterusnya berjaya menghasilkan modul MUFID-OKU ini.



Menjadi tanggungjawab pihak berkuasa agama khususnya Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bagi memastikan umat Islam termasuk golongan OKU mendapat hak mempelajari agama. Ini perlu, agar akidah dan kesempurnaan kehidupan dari segi syariahnya sentiasa terpelihara.

Tidak dinafikan golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat di negara ini. Kehadiran mereka dalam sesebuah masyarakat terserlah kebaikan dan keberkatannya. Kasih sayang dan khidmat terhadap mereka merupakan faktor kewujudan ganjaran rahmat dari Allah SWT. Oleh itu, golongan OKU juga berhak mengabdikan dirinya kepada Allah SWT dan memahami kesucian ajaran agama Islam itu sendiri.

Menjadi harapan saya, penghasilan modul MUFID-OKU ini dapat meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam di samping menjadi panduan khususnya kepada pembimbing dan pihak yang dipertanggungjawabkan. Semoga modul ini memberi manfaat dan usaha para penulis sekalian diberkati oleh Allah SWT.

A handwritten signature in black ink, consisting of a series of loops and a long vertical stroke.

DATU' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD HAJI HASAN
Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus

Golongan orang kelainan upaya pendengaran (OKU) merupakan satu daripada kumpulan yang sentiasa mendapat perhatian daripada pelbagai lapisan masyarakat di negara kita. Banyak bantuan disalurkan kepada kumpulan ini dalam usaha penambahbaikan taraf hidup, kemahiran dan ilmu mereka. Usaha yang berterusan untuk mempertingkatkan maklumat dan ilmu yang dimiliki khususnya pengetahuan mengenai asas agama perlu diteruskan dari semasa ke semasa.

Golongan OKU pendengaran ialah golongan istimewa yang perlu dilihat sebagai anugerah Allah SWT dengan penuh keinsafan dan reda di samping mencari hikmah di sebalik kebesaran Allah SWT. Para pendakwah perlu berusaha menyampaikan ajaran Islam termasuk kepada golongan OKU ini kerana di dalam al-Qur'an istilah pekak, bisu, buta disebut berulang kali sama ada sebagai lambang atau menceritakan keadaan kecacatan sebenar.

Secara realiti, kita menyedari tidak ramai pendakwah yang menguasai bahasa isyarat manakala dalam kalangan OKU pula rujukan untuk mereka memahami asas-asas ajaran Islam sangat terhad. Oleh itu, dalam usaha mempertingkatkan penghayatan agama dalam kalangan golongan kelainan upaya pendengaran ini, satu modul ringkas berkenaan panduan fardu ain dibangunkan. Modul ringkas ini bermatlamat untuk memberikan maklumat asas mengenai aspek-aspek yang patut diketahui oleh setiap individu Muslim OKU. Modul ini dimulai dengan menerangkan aspek terpenting dalam Islam iaitu berkenaan rukun-rukun Iman dan kemudiannya disusuli dengan aspek ibadat dan fiqh. Modul yang dibangunkan ini boleh dimanfaatkan sendiri oleh golongan kelainan upaya pendengaran dan juga oleh mana-mana pegawai agama yang berurusan dengan kumpulan ini.

Penerangan ringkas dan panduan bergambar melalui bahasa isyarat dimuatkan di dalam modul ini agar pelatih boleh menggunakannya dengan sebaik mungkin. Modul ini juga turut disertakan dengan CD yang dibantu oleh Pn. Sariah Ibrahim, Presiden Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA). Diharapkan dengan penyediaan modul ringkas ini, lebih ramai pengiat dakwah di negara ini terpenggil untuk terlibat sama dalam memberikan panduan dan bimbingan kepada mereka.

Pihak penulis ingin merakamkan penghargaan khususnya kepada Menteri Besar Negeri Sembilan YAB Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan yang memberikan bantuan kewangan bagi menjalankan penyelidikan dan seterusnya membina modul MUFID-OKU ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Nor Adibah Binti Ibrahim, Mufidah Shamsudin, Norasyikin Binti Nassim dan Fitriya Salihin, iaitu pelajar-pelajar program Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam, Universiti Sains Islam Malaysia

yang terlibat secara langsung membantu penyelidik dan seterusnya menjadi model bagi bahasa isyarat yang terdapat dalam modul ini. Penghargaan juga ditujukan kepada Puan Sariah Ibrahim, Presiden Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA) yang membuat perakuan dan pengesahan terhadap modul ini serta Pn. Azlina Binti Mohamed Isa, kaunselor di NESDA yang turut menjadi penterjemah dalam proses kajian dan penyediaan modul ini.

Modul Fardu 'Ain Orang Kelainan Upaya Pendengaran (MUFID-OKU) ini dibangunkan bertujuan untuk menjadi panduan kepada setiap orang kelainan upaya pendengaran untuk mempelajari asas-asas ajaran dalam Islam secara sistematik, terancang dan berkesan dalam konteks persekitaran Malaysia. Modul ini boleh menjadi satu set pembelajaran yang disediakan untuk membantu mencapai tujuan pembelajaran. Modul ini menyediakan pelatih untuk belajar secara individu atau berkumpulan. Modul ini dapat membantu semua pelatih tanpa mengira latar belakang pelatih dan amat sesuai khususnya yang mempunyai masa yang terhad untuk menghadiri kelas-kelas pengajian secara sepenuh masa.

Modul ini mencadangkan proses pengajaran dan pembelajaran berkaitan pengetahuan asas dalam Islam secara teratur dan ringkas sesuai dengan keperluan sasaran. Setiap tajuk dalam modul ini mempunyai penerangan ringkas dan juga ditunjukkan dalam bentuk gambar di dalam bahasa isyarat. Gambar yang terhasil ini adalah daripada percaturan gambar melalui kaedah *photoshop*. Gambar ini sedikit sebanyak menerangkan perkataan di dalam bahasa isyarat standard "Bahasa Isyarat Malaysia" (BIM). Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini bahawa modul ini hanya menyediakan gambar-gambar bagi penerangan yang terpilih sahaja, sementara penjelasan lanjut boleh dilihat di dalam CD yang dibekalkan bersama modul ini.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran

1. MUFID-OKU ini dicadangkan supaya digunakan secara berperingkat-peringkat dalam tempoh masa tertentu mengikut kesesuaian dan kemampuan pelatih. Tidak ada kadar masa tertentu perlu ditetapkan bagi memahami setiap tajuk di dalam modul ini.
2. Tajuk-tajuk tertentu pada modul ini boleh difahami sendiri oleh pelatih. Tetapi digalakkan bagi pelatih untuk mendapat tunjuk ajar daripada pembimbing pada tajuk-tajuk tertentu khususnya yang berkaitan dengan praktikal ibadat.
3. Untuk mencapai maksud kefahaman dan penghayatan yang sempurna, pelatih perlulah mengikuti semua modul ini yang bermula dengan modul pertama. Apabila tamat modul pertama dan pelatih memahaminya dengan baik, pembimbing boleh meneruskan kepada modul yang seterusnya.
4. Pelatih digalakkan untuk sentiasa membuat ulang kaji selepas tamat setiap modul bagi memantapkan kefahaman dan penghayatan kandungan modul ini. Selepas tamat modul keenam, pelatih akan dapat memahami asas-asas fardu 'ain dalam Islam dan dapat mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

5. Pembimbing perlu juga memastikan hasil pembelajaran bagi setiap tajuk dalam modul ini dapat dicapai. Atas maksud tersebut, kaedah penilaian kefahaman modul ini perlulah dilakukan oleh pembimbing.
6. Pelatih juga dinasihatkan untuk merujuk kepada CD yang dibekalkan bersama modul ini sebagai penjelasan lanjut kepada teks.

TAJUK-TAJUK MODUL

1. Modul ini disusun berdasarkan kepada 6 TAJUK iaitu:

MODUL	TAJUK
MODUL 1	Rukun Iman
MODUL 2	<i>Taharah</i>
MODUL 3	Wuduk dan Solat
MODUL 4	Puasa
MODUL 5	Zakat
MODUL 6	Haji

Bagi tujuan penerangan, setiap tajuk mempunyai beberapa unit.

2. Daripada segi PELAKSANAAN, penekanan secara menyeluruh diberikan kepada aspek teori dan amali. Pembeda bagi setiap tajuk dan unit berdasarkan tema modul adalah seperti jadual berikut:

MODUL	UNIT
MODUL 1 (Rukun Iman)	1. Maksud percaya rukun-rukun Iman. 2. Percaya kepada Allah 3. Percaya kepada Malaikat 4. Percaya kepada Kitab 5. Percaya kepada Rasul 6. Percaya kepada Hari Akhirat 7. Percaya kepada <i>Qada'</i> dan <i>Qadar</i> Allah
MODUL 2 (<i>Taharah</i>)	1. Maksud <i>taharah</i> 2. Alat-alat untuk bersuci 3. Pembahagian najis
MODUL 3 (Wuduk dan Solat)	1. Maksud wuduk 2. Tujuan wuduk 3. Syarat sah wuduk 4. Rukun wuduk 5. Perkara yang membatalkan wuduk 6. Maksud solat 7. Tujuan solat 8. Syarat sah solat 9. Rukun solat 10. Perkara yang membatalkan solat
MODUL 4 (Puasa)	1. Maksud puasa 2. Syarat wajib puasa 3. Syarat sah puasa 4. Rukun puasa 5. Perkara yang membatalkan puasa 6. Perkara sunat yang dilakukan ketika puasa 7. Hikmah puasa 8. Adab puasa
MODUL 5 (Zakat)	1. Maksud zakat 2. Syarat-syarat zakat
MODUL 6 (Haji)	1. Maksud haji 2. Syarat haji 3. Hikmah haji

MODUL 1

RUKUN IMAN

PENDAHULUAN

Modul pertama ini akan membincangkan maklumat asas mengenai rukun Iman. Modul ini terdiri daripada 7 unit iaitu maksud rukun Iman, beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada rasul, beriman kepada hari akhirat, dan beriman kepada qada' dan qadar Allah. Topik dan hasil pembelajaran bagi modul pertama adalah seperti yang terdapat dalam jadual di bawah.

TOPIK	HASIL PEMBELAJARAN
UNIT 1.1 Maksud Rukun Iman	<ul style="list-style-type: none">• Mengetahui maksud dan konsep rukun Iman.• Menghayati tuntutan rukun Iman dalam kehidupan.• Memiliki dasar pegangan akidah yang kukuh lagi mantap.
UNIT 1.2 Beriman Kepada Allah	
UNIT 1.3 Beriman Kepada Malaikat	
UNIT 1.4 Beriman Kepada Kitab	
UNIT 1.5 Beriman Kepada Rasul	
UNIT 1.6 Beriman Kepada Hari Akhirat	
UNIT 1.7 Beriman Kepada <i>Qada'</i> dan Qadar Allah	

**MODUL
FARDU
'AIN**

LAMPIRAN

SARIAH IBRAHIM,
Presiden,
Persatuan Orang Pekak Negeri Sembilan (NESDA),
Pejabat No.8, Tingkat 2 Plaza Seremban Utara,
Jalan Tun Dr. Ismail,
70200 Seremban Negeri Sembilan.

30 Januari 2013

Y. Bhg. Prof. Dr. Zulkiple Abd. Ghani,
Dekan,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA.

YBhg. Prof.,

PERAKUAN MODUL FARDHU AIN OKU

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa USIM dengan kerjasama Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan telah bersetuju menjalankan kajian untuk menghasilkan modul Fardhu Ain bagi keperluan Orang Kelainan Upaya (OKU) di Negeri Sembilan.

2. Dengan kerjasama NESDA, dengan ini diperakui bahawa saya telah menyemak Modul Fardhu Ain OKU berkenaan dan berpandangan modul tersebut dapat memberi manfaat kepada OKU Muslim untuk meningkatkan penghayatan Islam mereka.

Terima kasih.


Yang benar,



(SARIAH IBRAHIM)



ISBN 978-967-0393-99-5



6000



9 789670 393995

<http://penerbit.usim.edu.my>